

(4 Februari 2021) Harian Metro, p. 8

4,284 kes baharu direkodkan dan 3,804 pesakit pulih

Kuala Lumpur: Sebanyak 4,284 kes baharu Covid-19 direkodkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan penularan wabak itu kepada 226,912 kes dengan 48,309 kes kes aktif dan 18 kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, da-

ripada jumlah itu, enam kes import dilaporkan, manakala 4,278 kes lagi membabitkan penularan tempatan.

"Selangor kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 1,572 kes diikuti Johor (964 kes) dan Kuala Lumpur (651 kes).

"Sebanyak 122 kes dilaporkan adalah berkaitan kluster di penjara dan depot tahanan imigresen membabitkan Kluster Tembok Mempaga (54 kes), Kluster Pengkalan Chepa (41 kes), Kluster Tembok Bukit Besi (14 kes), Kluster Tembok Sungai Udang (5 kes), Kluster Penjara Seberang Perai

(4 kes), Kluster Tembok Taiping (2 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (1 kes) dan Kluster DTI Sepang 2 (1 kes)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 307 kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 141 kes memerlukan

bantuan pernafasan.

Beliau berkata, sebanyak 3,804 kes dilaporkan pulih, semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 177,794 kes atau 78.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Terdapat 18 kes kematian dilaporkan membabitkan lima kes di Selangor,

masing-masing tiga kes di Sarawak dan Negeri Sembilan, dua kes di Perak serta masing-masing satu kes di Melaka, Kelantan, Kuala Lumpur, Johor serta Sabah.

"Ia menjadikan jumlah kumulatif kematian sebanyak 809 kes atau 0.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.